



1 Disember 2011
1 December 2011
P.U. (A) 396

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG
(PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG) (PENGECUALIAN)
2011

*EXCHANGE CONTROL (REMITTANCE BUSINESS)
(EXEMPTION) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953

PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG) (PENGECUALIAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*], Pengawal Pertukaran Wang Asing membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Perniagaan Pengiriman Wang) (Pengecualian) 2011.**

- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Akta” ertinya Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953;

“ejen perniagaan perkhidmatan wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*];

“pemegang lesen” ertinya seorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan pengiriman wang di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011;

“perniagaan pengiriman wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.

Pengecualian

3. (1) Seorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wangnya adalah dikecualikan daripada larangan di bawah—

- (a) subseksyen 4(1) Akta berkenaan dengan—
- (i) pembelian mata wang asing daripada;
 - (ii) penjualan mata wang asing kepada; atau
 - (iii) pelakuan apa-apa perbuatan yang melibatkan, yang berkaitan dengan, atau sebagai persediaan bagi, pembelian mata wang asing daripada atau penjualan mata wang asing kepada,
- mana-mana orang di dalam Malaysia;
- (b) seksyen 4A Akta berkenaan dengan pengeluaran atau penerbitan, atau selainnya yang memudahkan pengeluaran atau penerbitan oleh mana-mana orang, sesuatu iklan berhubungan dengan pembelian atau penjualan mata wang asing;
- (c) perenggan 8(a) dan (b) Akta berkenaan dengan apa-apa pembayaran dalam Malaysia kepada atau untuk kredit—
- (i) seseorang bukan pemastautin; dan
 - (ii) seseorang pemastautin atas arahan atau bagi pihak seseorang bukan pemastautin;
- (d) subseksyen 9(1) Akta berkenaan dengan pelakuan apa-apa perbuatan yang melibatkan, yang berkaitan dengan, atau sebagai persediaan bagi, membuat apa-apa bayaran ke luar Malaysia dan pembayaran itu adalah untuk atau bagi kredit seorang bukan pemastautin; dan
- (e) subseksyen 10(1) Akta berkenaan dengan—

- (i) membuat apa-apa bayaran kepada atau bagi kredit seseorang pemastautin di Malaysia; atau
- (ii) pelakuan apa-apa perbuatan yang melibatkan, yang berkaitan dengan, atau sebagai persediaan bagi, membuat apa-apa bayaran ke luar Malaysia,

sebagai balasan untuk, atau berkaitan dengan, penerimaan oleh mana-mana orang suatu bayaran yang dibuat di luar Malaysia atau untuk pemindahan kepada mana-mana orang suatu hak untuk menerima suatu bayaran di luar Malaysia.

(2) Seorang yang mengendalikan sistem pengiriman wang yang diluluskan oleh Bank di bawah subseksyen 40(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 yang digunakan oleh seseorang pemegang lesen dan ejen perniagaan perkhidmatan wangnya adalah dikecualikan daripada larangan di bawah—

- (a) perenggan 8(a) dan (b) Akta, berkenaan dengan apa-apa pembayaran dalam Malaysia kepada atau untuk kredit—
 - (i) seorang bukan pemastautin; dan
 - (ii) seorang pemastautin atas arahan atau bagi pihak seorang bukan pemastautin;
- (b) subseksyen 9(1) Akta berkenaan dengan pelakuan apa-apa perbuatan yang melibatkan, yang berkaitan dengan, atau sebagai persediaan bagi, membuat apa-apa bayaran ke luar Malaysia dan pembayaran itu adalah untuk atau bagi kredit seorang bukan pemastautin; dan
- (c) subseksyen 10(1) Akta berkenaan dengan—